

50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
KAWASAN : KUALA PILAH
NO. SOALAN : 120 (PR-1361-T01967)

SOALAN

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan dan pencapaian Malaysia dalam membantu syarikat-syarikat start-up negara melebarkan sayap perniagaan ke luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai program dilaksanakan oleh pelbagai agensi untuk membantu lebih banyak syarikat termasuk syarikat start-up mengeksport produk atau perkhidmatan mereka. Antara program yang dilaksanakan oleh SME Corp. adalah:

(i) Program Rangkaian Perniagaan (BLing)

Program Rangkaian Perniagaan (BLing) bertujuan untuk mewujudkan jalinan perniagaan antara PKS dengan MNC / GLC / syarikat besar. Komponen utama program ini ialah Pemandanan Perniagaan. Sesi Pemandanan Perniagaan diadakan setiap tahun di Pameran SMIDEX dan menerusi pelbagai platform lain yang

menyediakan peluang untuk menjalinkan rantaian perniagaan dengan syarikat MNC. Ia memberi peluang kepada PKS untuk menjadi sebahagian daripada Rantaian Bekalan Global. Pada tahun 2017, sebanyak 786 rantaian perniagaan telah diadakan yang mencatat nilai potensi jualan berjumlah RM714.7 juta.

(ii) Pameran Tahunan PKS - SMIDEX

SMIDEX menonjolkan keupayaan dan kapasiti PKS Malaysia dalam menawarkan produk, perkhidmatan dan teknologi untuk pasaran global. Acara ini bermatlamat untuk mengetengahkan PKS dan teknologi terkini melalui satu platform di bawah satu bumbung.

(iii) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) - dilaksanakan dengan kerjasama SME Corp. Malaysia, MATRADE, MARA dan Exim Bank

Program ini yang dilaksanakan di bawah RMKe-11 bertujuan membantu meningkatkan keupayaan eksport PKS serta menambah bilangan PKS yang mampu menembusi pasaran luar negara.

Sejak dilancarkan pada April 2016, sebanyak 69 projek telah diluluskan kepada 23 buah syarikat dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM29.1 juta. Projek-projek yang diluluskan merangkumi aktiviti promosi dan pemasaran luar negara, penambahbaikan pembungkusan, pembangunan jenama, persijilan dan pematuhan piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja.

Satu lagi inisiatif oleh SME Corp. bagi menggalakkan generasi muda menceburi bidang perniagaan ialah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program ini mula dilaksanakan sejak tahun 2014 dan bertujuan untuk:

- (i) Memupuk dan menanam semangat keusahawanan di kalangan belia;
- (ii) Merubah paradigma belia daripada pekerja menjadi pemilik atau pengusaha perniagaan; serta
- (iii) Membentuk daya tahan dan jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2017, sejumlah 2,433 orang peserta telah mengikuti program TUBE dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,367 orang telah mendaftar dan memulakan perniagaan. Sehingga kini, jumlah nilai jualan terkumpul yang direkodkan oleh perniagaan yang dimiliki oleh peserta TUBE adalah sebanyak RM54.6 juta. Sebanyak 4,352 peluang pekerjaan baharu telah berjaya diwujudkan melalui Program TUBE. Program ini membuka peluang kepada lebih ramai usahawan untuk memulakan perniagaan, dan seterusnya berkembang dalam bidang tersebut.

Bagi mengiktiraf sumbangan PKS kepada ekonomi, bajet 2018 memperkasakan PKS dengan rangsangan besar berjumlah RM22.2 bilion daripada segi peruntukan Kerajaan iaitu geran, pinjaman mudah dan skim jaminan. Ini termasuk RM7 bilion di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk modal kerja dan pinjaman PKS bagi sektor perkhidmatan, RM5 bilion di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), Tabung Pelancongan PKS berjumlah RM2

bilion, serta Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah di bawah SME Corp. Malaysia berjumlah RM1 bilion.

Selain program yang dinyatakan, Zon Bebas Perdagangan Digital (DFTZ) yang dilancarkan pada 22 Mac 2017 juga membolehkan syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam ekosistem eDagang melalui kerjasama erat dengan pemain industri di sepanjang rantai nilai eDagang.

Sekian, terima kasih.